

28 Mac 2007
9 Rabiul Awal
1428

UTUSAN ONLINE

Muka
Hadapan
Dalam
Negeri
Politik
Wakil
Utusan
Luar
Negara
Ekonomi
Korporat
Sukan
Parlimen
Mahkamah
Persidangan
Laporan
Khas
Rencana
Bicara
Agama
Forum
Hiburan
Rancangan
TV
Pendidikan
Megabait
Keluarga
Kesihatan
Polis &
Tentera
Sastera
Kartun

Laman Khas

TENTANG UTUSAN

KONTAK

ABOUT US



Jom mengiklan di Utusan Online
MUDAH, PANTAS dan MURAH!

* Google Analytics *

Lembaga Muzium Negeri Sembilan tetap akan meneruskan pameran Alam Misteri: Hantu dan Jin walaupun penganjuran program itu mendapat teguran Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Mufti Perlis.

Pada pendapat saya, pameran itu:

- Wajar diteruskan kerana dapat memberi penerangan.
- Perlu mendapatkan lagi pandangan pihak-pihak lain.
- Buat ke atau tak buat ke tidak penting kepada saya.
- Lebih berupa gimik untuk tarik banyak pengunjung.
- Dibatalkan kerana ia tidak memberi apa-apa faedah.

Keputusan

Undi

Arkib Bancian
Komen Bancian

□ Korporat

KPJ Healthcare rancang tambah Reit

DUBAI 27 Mac – KPJ Healthcare Bhd., anak syarikat JCorp, berhasrat untuk menambah saiz Al-‘Aqar KPJ Reit dengan menyuntik lebih banyak aset hospitalnya, kata Ketua Eksekutif JCorp Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Beliau berkata, saiz dana kini berjumlah RM340 juta dan ia boleh digandakan dengan mudah.

“Kami akan menyuntik terutamanya aset hospital di Malaysia untuk meningkatkan Reit (Amanah Pelaburan Hartanah). Kami boleh dengan mudah menambahnya dan menyenaraikannya untuk memperoleh tunai. Kemudiannya dapatlah kami melakukan dengan lebih lagi,” kata beliau di sini barubaru ini.

“Kami hanya memasukkan enam buah hospital kami. Di Malaysia kami kini mempunyai 17 buah hospital, tiga buah di Indonesia dan sebuah di Bangladesh,” kata Muhammad Ali.

Enam hospital berkenaan adalah Hospital Pakar Ampang Puteri, Hospital Pakar Damansara dan Pusat Perubatan Selangor di Lembah Klang manakala Hospital Pakar Johor, Hospital Pakar Puteri di Johor dan Hospital Pakar Ipoh di Perak.

Al-‘Aqar KPJ Reit, adalah Reit Penjagaan Kesihatan pertama Malaysia,

disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada 10 Ogos tahun lepas, baru-baru ini memenangi anugerah Islamic Finance News Deal of Year 2006 bagi kategori Reit Islam. Majlis penyampaian anugerah berkenaan berlangsung di sini.

Muhammad Ali yakin Reit penjagaan kesihatan mempunyai masa depan yang cerah untuk berkembang memandangkan ia 'mempunyai tarikan' berbanding Reit komersial konvensional.

"Dengan KPJ Reit, aliran pendapatan terjamin dan ia kurang berisiko memandangkan Reit penjagaan kesihatan adalah tetap," katanya.

Tambahan pula, beliau berkata, terdapat aliran meningkat yang kukuh dari segi pesakit pengambil insurans dan akan terus merangsang Reit untuk berkembang.

"Walaupun industri insurans penjagaan kesihatan masih belum begitu teguh di Malaysia, sebagai contoh, sejumlah besar pesakit kami masih membayar tunai secara individu, kami mendapati aliran menaik yang kukuh dari segi pesakit pengambil insurans, lebih ramai dan ramai lagi diinsuranskan.

"Ini memberi keyakinan kepada kami dan dengan tunai yang diperoleh melalui Reit, KPJ Healthcare akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk berkembang," jelas beliau.

Dengan pengembangan berkenaan, kumpulan meninjau untuk pemerolehan, kata Pengarah Urusan KPJ Healthcare Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir.

"Kami mempunyai lebih banyak hospital sekarang ini, jadi kami perlu meninjau pemerolehan yang lebih baik untuk kumpulan. Kami mempunyai kelebihan dari segi latihan dan meninjau untuk menambah kepakaran dengan sistem yang telah terbukti, seperti sistem klinikal kami, yang dilaksanakan di 17 hospital di Malaysia," kata beliau.

— Bernama

© UTUSAN MELAYU
(M) BHD., 46M, Jalan
Lima Off Jalan Chan
Sow Lin, 55200 Kuala
Lumpur.
E-mail:
online@utusan.com.my

[| Terms of Use |](#)